



SARAH sambil mendukung Mohd. Danish Khalish berkongsi gembira bersama Saiful Nizam dan anak sulung mereka di UTHM, Batu Pahat semalam.

Ibu dalam pantang terima ijazah

KOSMO 4/9/07

Oleh **HAMDAN OTHMAN**
hamdan@kosmo.com.my

BATU PAHAT - Masih dalam pantang setelah melahirkan anak kedua 45 hari lalu, seorang graduan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) tetap naik ke pentas untuk menerima ijazahnya semalam.

Sarah Abdul Hamid, 28, ketika ditemui berkata, saat tersebut tidak akan dilepaskan setelah beberapa tahun menanti.

“Kejayaan saya adalah rezeki anak yang baru lahir, Mohd. Danish Khalish serta keluarga yang sentiasa memberi sokongan.

“Saya bersyukur kerana ketika sedang sarat hamil, saya menjalani

praktikal di Bentong, Pahang dan tidak memerlukan saya ke kuliah sehinggalah bersalin,” katanya ketika ditemui selepas menerima ijazahnya di Dewan Tunku Ibrahim, UTHM semalam.

Sarah yang kini memiliki Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional bagaimanapun belum merancang untuk meneruskan pengajian pada masa terdekat.

Menurut Sarah, suaminya, Shaful Nizam Abdul Rahman, 30, tidak pernah menghalang cita-citanya, malah sentiasa memberi galakan.

“Saya juga amat berterima kasih kepada ibu bapa saya yang menjaga anak pertama saya sepanjang saya belajar di UTHM dan menjalani latihan praktikal,” jelasnya.